



PENGELUARAN KESIHATAN

TUJUAN

Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai kos rawatan perubatan penyakit kritikal **DAN / ATAU** pembelian peralatan bantuan kesihatan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP yang dihadapi oleh ahli atau ahli keluarga yang dibenarkan.

KELAYAKAN MEMOHON

- (i) Warganegara Malaysia; **ATAU**
- (ii) Warganegara Malaysia yang telah membuat pengeluaran di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara sebelum 1 Ogos 1995 dan kemudian memilih untuk mencarum semula dengan KWSP; **ATAU**
- (iii) Bukan warganegara Malaysia yang ;
 - Menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; **ATAU**
 - Mendapat taraf Penduduk Tetap (PR)
- Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; **DAN**
- Ahli masih mempunyai simpanan dalam Akaun 2

SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

1. Senarai penyakit kritikal yang diluluskan oleh Lembaga KWSP adalah seperti berikut :-

BIL.	KATEGORI PENYAKIT	JENIS PENYAKIT KRITIKAL
1.	CANCER (KANSER)	<ul style="list-style-type: none"> • Cancer (Kanser)
2.	CARDIOVASCULAR SYSTEM (SISTEM KARDIOVASKULAR)	<ul style="list-style-type: none"> • Cardiomyopathy (Kardiomiopati) • Coronary Artery Disease (Penyakit Arteri Koronari) • Heart Attack / Myocardial Infarction (Serangan Jantung / Infarksi Miokardium) • Heart Valve Replacement / Valvular Heart Disease Requiring Replacement (Penyakit Injap Jantung Memerlukan Penggantian) • Surgery to Aoarta / Diseases of the Aoarta Requiring Surgery (Penyakit Aoarta Memerlukan Pembedahan) • Congenital Heart Disease (Penyakit Jantung Semenjak Kelahiran)
3.	GASTROENTEROLOGY / HEPATOLOGY (GASTROENTEROLOGI / HEPATOLOGI)	<ul style="list-style-type: none"> • Chronic Inflammatory Bowel Disease (Penyakit Radang Usus Kronik) • Chronic Liver Disease (Penyakit Hati Kronik) • Fulminant Viral Hepatitis (Hepatitis Virus Fulminan) • Primary Pulmonary (Pulmonari Primer)
4.	GENITOURINARY SYSTEM (SISTEM GENITOURINARI)	<ul style="list-style-type: none"> • Bilateral Renal Calculi Requiring Surgical Intervention (Kalkuli Ginjal Dwisisi Memerlukan Intervensi Pembedahan) • Congenital Urinary Abnormalities Requiring Urgent And Major Surgical Intervention (Abnormaliti Urinari Kongenital Memerlukan Intervensi Pembedahan Segera dan Major) • Kidney Failure (Kegagalan Ginjal) • Medullary Cystic Disease (Penyakit Medulari Sistik)
5.	HEMATOLOGY (HEMATOLOGI)	<ul style="list-style-type: none"> • Aplastic Anaemia (Anemia Aplastik) • Hematopoetic Stem Cell Transplantation (Pemindahan Sel Stem Hematopoetik) • Lymphoma (Limfoma) • Thalassaemia Major Requiring Chelating Agent (Talesemia Major Memerlukan Agen Pengkelat)
6.	ILLNESS OF CHILD UNDER 16 YEARS OLD (PENYAKIT KANAK-KANAK DI BAWAH 16 TAHUN)	<ul style="list-style-type: none"> • Intellectual Impairment Due To Accident Or Sickness (Kerosakan Intelektual Disebabkan Kemalangan Atau Penyakit) • Leukaemia (Leukimia) • Severe Asthma (Asma Teruk)
7.	MENTAL ILLNESS (PENYAKIT MENTAL)	<ul style="list-style-type: none"> • Bipolar Mood (Mood Bipolar) • Major Depression (Kemurungan Major) • Schizophrenia (Skizofrenia)
8.	MUSCULOSKELETAL SYSTEM (SISTEM MUSKULOSKELETAL)	<ul style="list-style-type: none"> • Systemic Lupus Erythematosus (SLE) With Lupus Nephritis (Eritematosus Lupus Sistemik (SLE) Dengan Nefritis Lupus) • Systemic Sclerosis With Pulmonary Hypertension (Sklerosis Sistemik Dengan Hipertensi Pulmonari)
9.	RESPIRATORY SYSTEM (SISTEM RESPIRATORI)	<ul style="list-style-type: none"> • Bronchiectasis (Bronkiektasis) • Chronic Lung Disease (Penyakit Paru-Paru Kronik) • Lung Fibrosis (Fibrosis Paru-Paru)

		<ul style="list-style-type: none"> • Obstructive Sleep Apnoea (<i>Apnoea Tidur Obstruktif</i>) • Secondary Pulmonary Hypertension (<i>Hipertensi Pulmonari Sekunder</i>) • Severe Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD) / Emphysema (<i>Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik Teruk (COPD)/Emfisema</i>)
10.	NERVOUS SYSTEM (SISTEM SARAF)	<ul style="list-style-type: none"> • Alzheimer's Disease (<i>Penyakit Alzheimer</i>) • Appalic Syndrome (<i>Sindrom Apalik</i>) • Benign Tumor Of Brain (<i>Tumor Otak Benigna</i>) • Coma (<i>Koma</i>) • Encephalitis (<i>Ensefalitis</i>) • Loss Of Speech (<i>Kehilangan Pertuturan</i>) • Major Head Trauma (<i>Trauma Kepala Major</i>) • Meningitis (<i>Meningitis</i>) • Motor Neurone Disease (<i>Penyakit Neuron Motor</i>) • Multiple Sclerosis (<i>Sklerosis Berbilang</i>) • Muscular Dystrophy (<i>Distrofi Otot</i>) • Paralysis (<i>Kelumpuhan</i>) • Parkinson's Disease (<i>Penyakit Parkinson</i>) • Poliomyelitis (<i>Poliomieltitis</i>) • Stroke (<i>Strok</i>) • Total Permanent Disability (<i>Hilang Upaya Kekal</i>) • Cerebral Palsy (<i>Serebral Palsi</i>)
11.	OTHER DISEASES APPROVED BY EPF BOARD (LAIN-LAIN PENYAKIT YANG DILULUSKAN OLEH LEMBAGA KWSP)	<ul style="list-style-type: none"> • AIDS (Accompanied with AIDS defining disease) / HIV (Second Line Treatment) [<i>AIDS (Disertai bersama penyakit berkaitan dengan AIDS)/ HIV (Rawatan Peringkat Kedua)</i>] • Blindness (<i>Buta</i>) • Deafness (<i>Pekak</i>) • Loss Of Independent Existence (<i>Kehilangan Upaya Hidup Sendiri</i>) • Major Burns (<i>Kelecuran Major</i>) • Major Organ Transplant (<i>Pemindahan Organ Major</i>) • Terminal Illness (<i>Penyakit Membawa Maut</i>)

- Ahli keluarga yang dibenarkan di bawah pengeluaran ini adalah seperti berikut :-
 - Suami / Isteri
 - Anak / Anak Tiri / Anak Angkat
 - Ibu Bapa / Ibu Bapa Mertua / Ibu Bapa Tiri / Ibu Bapa Angkat
 - Adik Beradik
- Kos rawatan perubatan yang dibenarkan
 - Kos rawatan perubatan meliputi semua kos yang dikenakan oleh pihak hospital / pusat rawatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit berkenaan termasuk kos pembelian peralatan sokongan perubatan dibenarkan di dalam rawatan bagi penyakit yang diluluskan tersebut.
- Peralatan bantuan kesihatan
 - Peralatan bantuan kesihatan merujuk kepada peralatan sokongan perubatan yang digunakan bagi tujuan rawatan ke atas penyakit kritikal yang diluluskan
 - Senarai penuh bagi peralatan sokongan perubatan yang diluluskan bagi Pengeluaran Kesihatan boleh diperolehi di laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my atau di mana-mana kaunter perkhidmatan KWSP yang berhampiran.
- Laporan Perubatan, Bil Rawatan Pesakit Luar / Discaj Wad (*Final Bill*) **DAN** Resit Bayaran
 - Laporan perubatan, bil rawatan sebenar (*final bill*) dan resit rawatan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh permohonan dikemukakan
 - Bil dan resit mesti atas nama pesakit atau pemohon
- Ahli boleh membuat pengeluaran bersama dengan ahli keluarga yang lain untuk membiayai kos rawatan perubatan pesakit tertakluk kepada kos rawatan perubatan.
- Ahli boleh memilih untuk menentukan jumlah yang ingin dikeluarkan daripada Akaun 2 tertakluk kepada kos rawatan perubatan.
- Ahli **tidak layak** memohon sekiranya :-
 - Pesakit menghidap penyakit selain daripada penyakit kritikal yang diluluskan.
 - Membeli peralatan bantuan kesihatan yang tidak diluluskan.
 - Kos perubatan ahli atau ahli keluarga dibiayai sepenuhnya oleh majikan ahli / majikan ahli keluarga yang dibenarkan
 - Ahli mendapat rawatan kesuburan
 - Ahli mendapat rawatan alternatif seperti akupunktur atau kaedah tradisional

AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

- Ahli boleh mengeluarkan simpanan sebanyak berikut, **mengikut mana yang lebih rendah** :-
 - Semua simpanan Akaun 2 **ATAU** Kos rawatan perubatan sebenar
- Jika majikan hanya membiayai sebahagian daripada kos rawatan perubatan, ahli boleh mengeluarkan **jumlah sebanyak** :-
 - Baki kos rawatan perubatan yang tidak ditanggung oleh majikan **tertakluk** kepada baki simpanan Akaun 2 ahli
- Bagi permohonan bersama amaun yang layak dikeluarkan ialah sebanyak berikut, **mengikut mana yang lebih rendah, tertakluk kepada kos rawatan perubatan sebenar** :-
 - Jumlah yang dipohon **ATAU** Simpanan Akaun 2 pemohon masing-masing

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL.	DOKUMEN UTAMA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9D (AHL)
2.	Kad Pengenalan Diri (a) MyKad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR) ATAU (b) Kad Pengenalan Polis DAN Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad) ATAU (c) Pasport. Jika ahli bukan warganegara Malaysia yang menjadi ahli KWSP sebelum 1 Ogos 1998
3.	Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan (jenis persendirian) ATAU Penyata Akaun Semasa ATAU Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun ATAU Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web. <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik Akaun bank mestilah yang masih aktif. (Dokumen asal dikecualikan jika ahli dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketepatan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun ahli gagal)
4.	Permohonan Secara Pos <ul style="list-style-type: none"> Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)

BIL.	DOKUMEN SOKONGAN
(A) MEMBIAYAI KOS RAWATAN DI INSTITUSI PERUBATAN DALAM NEGARA	
1.	Laporan Perubatan Asal Dari Institusi Perubatan <ul style="list-style-type: none"> Mengikut contoh format yang ditetapkan oleh KWSP dan tidak melebihi satu tahun dari tarikh permohonan diterima Lengkap dengan maklumat pesakit dan penyakit yang dihadapi serta kesan kepada pesakit jika tidak mendapat rawatan Diturunkan cop nama dan alamat Institusi Perubatan Diturunkan tandatangan, cop nama penuh, jawatan dan bidang doktor yang merawat ahli
2.	Surat Pengesahan Majikan Mengenai Tanggungan Kos Rawatan <ul style="list-style-type: none"> Sekiranya pesakit adalah pemohon, surat pengesahan majikan pemohon diperlukan (jika pemohon bekerja) Sekiranya pesakit adalah anak, surat pengesahan majikan ibu DAN bapa diperlukan (jika ibu / bapa bekerja) Sekiranya pesakit adalah suami / isteri, surat pengesahan majikan pesakit DAN pasangan diperlukan (jika suami / isteri bekerja) Sekiranya pesakit adalah ibu / bapa, surat pengesahan majikan pemohon, ibu / bapa diperlukan (jika anak / ibu / bapa bekerja) Sekiranya pesakit adalah adik-beradik, surat pengesahan majikan pesakit, pemohon dan ibu / bapa pesakit diperlukan (jika bekerja) (Dikecualikan sekiranya pemohon DAN pesakit tidak bekerja)
3.	Kad Pengenalan Diri pesakit (<i>salinan dokumen yang tidak disahkan boleh diterima</i>) <ul style="list-style-type: none"> MyKad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR) / pasport (jika bukan warganegara Malaysia (Dikecualikan sekiranya pemohon adalah pesakit dan hanya dikemukakan pada permohonan kali pertama sahaja))
4.	Bukti Pertalian di antara pemohon dan pesakit (<i>sekiranya pemohon bukan pesakit</i>) <ul style="list-style-type: none"> Sijil Nikah / Sijil Daftar Perkahwinan; ATAU Sijil Kelahiran yang berkaitan; ATAU Sijil Pendaftaran anak angkat dari Jabatan Pendaftaran Negara (jika anak angkat)
5.	Bil Rawatan Pesakit Luar / Discaj Wad (<i>Final Bill</i>) DAN Resit Bayaran Asal dari Pusat Perubatan (sekiranya bayaran telah dibuat) <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh sah laku bil rawatan pesakit luar / discaj wad (final bill) dan resit tidak melebihi satu tahun dari tarikh permohonan diterima; DAN Jika resit bayaran bukan atas nama pemohon, surat kebenaran daripada pembayar resit (mengandungi tandatangan, nama dan no. k/p) diperlukan.
(B) MEMBIAYAI KOS RAWATAN DI INSTITUSI PERUBATAN LUAR NEGARA	
1.	Semua dokumen seperti dinyatakan dalam Jadual A (1 hingga 5)
2.	Surat perakuan doktor yang merawat pesakit dalam negara yang mengandungi maklumat pesakit dan penyakit yang dihadapi serta kesan kepada pesakit jika tidak mendapat rawatan.
3.	Anggaran Kos Rawatan dari Institusi Perubatan Luar Negara

NOTA :

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- Semua dokumen dari Institusi Perubatan Luar Negara perlu dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. Jika menggunakan bahasa selain Bahasa Inggeris, ianya perlu disertakan bersama dengan **surat terjemahan** dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dari Kedutaan Negara tersebut atau Institut Terjemahan Negara.
- KWSP tidak mengeluarkan sebarang resit atas bayaran pengeluaran yang dibuat kepada pihak ketiga.

- **Kegagalan Mengembalikan Amaun Yang Tidak Digunakan Bagi Maksud Pengeluaran**
Sekiranya pemohon tidak menggunakan bayaran pengeluaran bagi maksud pengeluaran dibuat, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 58A, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].
- **Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

KAEDAH BAYARAN

Kaedah bayaran kepada ahli atau Pusat Perubatan seperti berikut :-

	MOD BAYARAN	
	CEK JURUBANK	PENKREDITAN TERUS
Rawatan Dalam Negara <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran akan dibuat atas nama Pusat Perubatan Dalam Negara setelah bil rawatan sebenar diterima 	Cek Jurubank akan dihantar terus ke alamat Pusat Perubatan Dalam Negara yang dinyatakan ahli dalam borang permohonan melalui pos secara mel berdaftar atau serahan kaunter atas permintaan Pusat Perubatan sahaja. Satu notis bayaran (yang dikepil bersama cek jurubank) yang mengandungi maklumat bayaran dan pengeluaran akan dihantar kepada Pusat Perubatan. Manakala satu notis akan dihantar kepada ahli memaklumkan cek jurubank telah dihantar kepada Pusat Perubatan.	
Rawatan Luar Negara	Bayaran akan dibuat kepada ahli berdasarkan anggaran kos rawatan.	
Pembayaran Balik Sekiranya Bayaran Kos Rawatan Telah Dibuat ('Reimbursement')		Kredit ke dalam akaun bank ahli

- Bagi bayaran secara pengkreditan terus ke dalam akaun bank ahli tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - a. Ahli mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
 - b. Akaun bank ahli masih aktif; **DAN**
 - c. Akaun bank ahli ialah Akaun Simpanan / Semasa (jenis persendirian) **ATAU** Jenis Akaun Bersama Individu (*'joint account'*) bagi jumlah pengeluaran melebihi RM100,000.00
 - d. Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank
 - e. Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

NOTA :

Ahli boleh mendapatkan **Surat Pengesahan Amaun Caruman** dari KWSP untuk mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan. Bagaimanapun, surat ini hanyalah sebagai perakuan caruman ahli yang layak pada ketika permohonan dikemukakan dan bukan merupakan **surat jaminan bayaran dari KWSP**. Permohonan ahli hanya akan diluluskan setelah KWSP mendapati semua dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur serta tertakluk kepada penyakit kritikal yang diluluskan untuk Pengeluaran Kesihatan.

CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos.

SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama **SEMUA** dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
 Karung Berkunci No. 220
 Jalan Sultan
 46720 Petaling Jaya
SELANGOR

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami

Tarikh Cetakan : November 2014